



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 MUHARAM 1448H/26 JUN 2026M

“BAHAYA AJARAN SESAT TERHADAP UMMAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِلَّا
سَاءَ مَا يَزُرُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT adalah orang yang paling bertakwa. Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja atau bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghilangkan pahala solat Jumaat. Dengarlah khutbah dengan penuh perhatian kerana ianya merupakan sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***"Bahaya Ajaran Sesat Terhadap Ummah."***

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bayangkanlah sejenak keadaan pada hari akhirat kelak, di hadapan mahkamah Allah Yang Maha Adil, apabila seseorang dibawa untuk di hisab. Dia menyangka dosanya hanya sedikit, tetapi rupa-rupanya beban dosanya berlipat ganda. Bukan sahaja kerana dosa sendiri, bahkan kerana dosa ribuan orang yang telah dia sesatkan di dunia. Itulah nasib pemimpin ajaran sesat kelak. Allah SWT telah memberikan amaran yang sangat jelas dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT yang telah disampaikan pada awal khutbah sebentar tadi melalui surah an-Nahl, ayat 25 **yang bermaksud:** *“(Ucapan mereka) menyebabkan mereka memikul dosa-dosa mereka dengan sepenuhnya pada hari kiamat, dan juga memikul sebahagian daripada dosa orang-orang yang mereka sesatkan dengan tidak berdasarkan pengetahuan yang benar; sesungguhnya amatlah buruknya dosa-dosa yang mereka lakukan itu.”*

Melalui ayat ini, Allah SWT mendedahkan kesan yang amat dahsyat bagi pengasas ajaran sesat. Di akhirat kelak, para guru atau pemimpin ajaran sesat bukan sahaja memikul dosa syirik dan kufur mereka sendiri, malah mereka wajib menanggung sebahagian daripada dosa para pengikut yang telah mereka sesatkan. Ajaran sesat bergerak atas dasar tanpa ilmu (بِغَيْرِ عِلْمٍ) yakni bersandarkan nafsu, rekaan, mimpi karut, dan takwil batil. Ayat ini menjadi amaran keras bahawa kesesatan bukan sekadar isu peribadi, tetapi jenayah syariah yang mengheret orang lain ke Neraka Jahannam. Renungkanlah wahai muslimin dan muslimat apakah kita sanggup menjadi antara mereka yang memikul bebanan dosa yang berlipat ganda tersebut? *Na'uzubillahi min zalik.*

MUSLIMIN JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Rasulullah SAW telah mengingatkan kita tentang kemunculan golongan penipu yang berselimutkan agama. Dalam sebuah hadis Baginda SAW bersabda yang **bermaksud:** *“Akan ada pada akhir zaman, golongan dajjal (penipu) lagi pendusta. Mereka membawa kepada kamu ajaran-ajaran yang tidak pernah kamu dengar dan tidak juga pernah didengari oleh bapa-bapa kamu. Maka hendaklah kamu berwaspada dengan mereka agar mereka tidak menyesatkan kamu dan tidak memfitnah (mengelirukan) kamu.”* (Riwayat Muslim)

Kebiasaannya, ajaran sesat sentiasa membawa “kelainan” yang kononnya nampak hebat dan eksklusif, antaranya:

Pertama: Mendakwa solat boleh dilakukan hanya dengan niat sahaja tanpa pergerakan fizikal.

Kedua: Mendakwa guru atau tok guru mereka mempunyai kunci syurga, maksum, atau setaraf nabi.

Ketiga: Mendakwa menerima wahyu, ilham, atau mimpi yang membatalkan hukum syariat.

Keempat: Melarang pengikut berjumpa dengan ulama lain atau melaporkan aktiviti mereka kepada pihak berkuasa agama.

Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW juga memberikan satu amaran yang membingungkan dalam sabdanya **yang bermaksud:** *"Sesungguhnya yang paling aku takuti menimpa umatku ialah setiap munafik yang petah berbicara (pandai berkata-kata tentang agama)."* (Riwayat Ahmad)

Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawasanya Rasulullah SAW tidak takut kepada musuh yang bersenjata, tetapi Baginda SAW bimbang mengenai orang yang pandai berbicara agama tetapi hatinya penuh kemunafikan! Inilah hakikat bahaya ajaran sesat, kerana datang daripada mereka yang zahirnya seolah-olah seperti seorang yang alim dan warak. Imam al-Ghazali *rahimahullah* dalam kitabnya ***Ihya' Ulumuddin*** turut memperingatkan: *"Barang siapa yang mendakwa mengenali Allah SWT tetapi mengabaikan syariat, maka dia adalah pendusta."*

Alangkah tepat kata-kata dari Imam al-Ghazali *rahimahullah*. Ada golongan yang berkata *"Kami sudah sampai kepada Allah, kami tidak perlu solat lagi. Kami sudah makrifat!"*. Inilah tipu daya Iblis yang paling halus membungkus kesesatan dengan pakaian kerohanian tinggi. Bayangkan ibu bapa yang dengan penuh kasih sayang dan harapan membesarkan anak mereka. Anak-anak dihantar ke sekolah agama, diajar mengaji, dibimbing solat sejak daripada kecil. Tiba-tiba anak yang dikasihi itu terjatoh dalam kumpulan sesat. Dia berhenti solat dan mula menghina ulama. Dia memutuskan hubungan dengan keluarga. Itulah luka yang paling parah dalam kehidupan seorang Muslim, luka yang ditinggalkan oleh ajaran sesat!

MUSLIMIN YANG DI KASIHI ALLAH,

Menyedari bahayanya ajaran sesat yang boleh merosakkan akidah umat Islam dan menggugat keselamatan negara, pihak berkuasa agama negeri Sabah sentiasa mengetatkan pemantauan melalui peruntukan undang-undang syariah yang tegas. Di bawah **Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pindaan) No.4 Tahun 2019 Negeri Sabah**, undang-undang berkaitan perkara ini telah diperketatkan. Di bawah **seksyen 52(1)** berkaitan “Doktrin Palsu” memperuntukan bahawa: *“Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin, atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di negeri Sabah dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi **LIMA RIBU RINGGIT** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **TIGA TAHUN** atau **DISEBAT** tidak melebihi **ENAM SEBATAN** atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”*

Dalam peruntukan undang-undang ini, penambahan hukuman sebat sehingga enam kali sebatan telah dimasukkan dalam hukuman yang tetap. Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan negeri dan pihak berkuasa agama dalam menangani bahaya kesesatan ini. Undang-undang ini diwujudkan bukan untuk menyekat kebebasan, tetapi sebagai benteng kukuh bagi melindungi kesucian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di bumi Sabah yang tercinta ini daripada dirosakkan oleh tangan mereka yang tidak bertanggungjawab.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Akhir sekali, khatib menyeru jemaah semuanya agar sentiasa merenung nasihat dan mengambil langkah-langkah berikut:

Pertama, berhati-hati dalam menuntut ilmu: Pastikan guru agama mempunyai tauliah rasmi daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Guru yang benar tidak akan takut dipersoalkan kelayakannya.

Kedua, menggunakan saluran yang betul: Jika terhidu sebarang aktiviti mencurigakan seperti zikir pelik, pemujaan individu, atau mendakwa ada

wahyu baharu, maka laporkan segera kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

Ketiga, membentengi keluarga: Penuhi rumah tangga kita dengan asas ilmu fardhu ain yang sahih berdasarkan acuan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sesungguhnya didikan akidah awal bermula dari rumah.

Keempat, memperkukuh hubungan dengan masjid: Masjid adalah benteng pertahanan akidah yang utama. Anak-anak yang kerap ke masjid, yang menghirup suasana iman sejak kecil, akan lebih kuat menghadapi godaan ajaran sesat.

Kelima, berdoa dengan istiqamah: Sesungguhnya keteguhan iman bukan bergantung pada kecerdasan akal semata-mata, tetapi pada hidayah Allah SWT.

Ingatlah, *“Kata-kata yang indah untuk tujuan menipu”* itulah hakikat ajaran sesat. Ia datang dengan kata-kata yang manis, dengan janji-janji ketenangan, dengan pengalaman-pengalaman *spiritual* yang menakjubkan. Tetapi di sebalik semua itu tersembunyi racun yang mematikan iman! Oleh itu, marilah kita memperbanyakkan selawat dan berdoa agar terhindar daripada bahaya fitnah dan moga dijauhkan daripada negeri dan negara kita. Insya-Allah, sama-sama kita renungkan ayat al-Quran melalui surah asy-Syura, ayat 10 **yang bermaksud:** *“Dan (katakanlah wahai Muhammad kepada pengikut-pengikutmu): Apa jua perkara Agama yang kamu berselisihan padanya maka hukum pemutusnya terserah kepada Allah; Hakim yang demikian kekuasaan-Nya ialah Allah Tuhanku; kepada-Nyalah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku rujuk kembali (dalam segala keadaan).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Tuhan, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Peliharalah akidah kami, akidah ahli keluarga kami, dan seluruh umat Islam di negeri Sabah ini daripada sebarang kesesatan, penyelewengan, dan fitnah ajaran palsu. Tetapkanlah hati kami di atas jalan Ahli Sunnah Wal Jamaah, jalan yang lurus dan selamat.

Ya Allah, Ya Malik, kembalikanlah saudara-saudara kami yang terjebak dalam kesesatan ke jalan yang benar. Bukalah hati mereka dengan cahaya hidayah-Mu. Jadikanlah keluarga kami sebagai benteng iman yang kukuh, agar generasi kami yang akan datang mewarisi Islam yang suci dan benar.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah jadikan jamaah solat subuh kami sama seperti jamaah Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com